

Alam Flora siap sedia hadapi banjir

KUALA LUMPUR 21 Nov.-Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) sudah membuat persiapan menghadapi kemungkinan banjir di ibu negara dengan meletakkan pasukan operasinya dalam keadaan bersiap sedia selama 24 jam di lokasi tumpuan banjir yang dikenal pasti.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Zain Hassan berkata, langkah itu bagi membolehkan tindakan pantas diambil dalam mengatasi masalah berkaitan sekatan pada sistem aliran di longkang dan parit yang boleh menyebabkan banjir.

"Jumlah pekerja juga turut ditambah sebanyak 32 orang di kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan utama banjir.

"Selain itu turut meletakkan jentera-jentera tambahan seperti empat buah jentera penyedut *vac-all* yang boleh menyedut air di longkang-longkang yang tersumbat," katanya dalam kenyataan akhbaranya di sini.

Beliau menambahkan, pasukan khas iaitu Skuad Flora yang ditugaskan menjalankan kerja-kerja pembersihan jalan raya dan longkang turut berada dalam keadaan bersiap sedia.

Antara lokasi tumpuan adalah di Jalan Khidmat Usaha, Jalan Segambut, jalan susur ke bulatan Jalan Duta dari Jalan Ipoh dan kawasan susur Jalan P. Ramlee dari Jalan Genting Klang.